

CNS6970

U GB 08-05 00166 BA305

aab

Mahathir - Australia

RAJA DAHRIN: AUSTRALIA MESTI IKUT SALURAN UNDANG-UNDANG

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Kes Raja Kamarul Bahrin tidak akan menjejaskan hubungan Malaysia-Australia selagi negara itu mengikut saluran undang-undang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita tak ada pendirian apa-apa (dalam soal ini), cuma ia mesti melalui saluran undang-undang yang sedia ada," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, diminta mengulas laporan akhbar yang menyatakan Peauam Negara Australia, Michael Lavarch telah memulakan langkah ekstradisi terhadap Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad untuk dibicarakan terhadap tuduhan membawa keluar dua orang anaknya dari negara itu Julai lepas.

Perdana Menteri berkata Australia hendaklah mengambil langkah itu melalui saluran undang-undang yang sedia ada.

"Kalaupun benda yang tidak menepati undang-undang dilakukan oleh Australia maka ini akan menjejaskan hubungan tetapi sekarang ini tak ada kerana dia menaikut saluran undang-undang," katanya. -- Lagi

▼08/05/16-19MST

CNS6975

U GB 08-05 00148 BA306

aab

Mahathir - Australia 2 Kuala Lumpur

Ketika ditanya mengenai kenyataan Peauam Negara Tan Sri Abu Talib Othman semalam bahawa Menteri Dalam Neuri mempunyai kata putus dalam soal itu, Dr Mahathir berkata jika itulah peruntukannya, maka Menteri Dalam Neuri akan membuat keputusannya.

Laporan akhbar menyatakan langkah Australia itu diambil setelah sebuah mahkamah di negara itu menjatuhkan hukuman penjara 18 bulan terhadap pekerja binaan Bryan Wickham yang menyoal membantu Raja Bahrin membawa keluar Raja Muhammad Baharuddin Ismail atau Iddin, 10 tahun, dan Raja Shahirah, 8 tahun, dari negara itu.

Dr Mahathir berkata kerajaan Australia mengambil tindakan itu mungkin disebabkan ada rakyatnya membuat dakwaan mengikut undang-undang negara itu.

Seorang pemberita telah meminta Dr Mahathir mengulas langkah Australia itu sedangkan Menteri Luarnya Gareth Evans dilaporkan berkata suatu masa dulu bahawa Canberra tidak akan campurtangan dalam kes itu. -- Lagi

♥08/05/16-27MST

CNS6976

U GB 08-05 00154 BA307

aab

Mahathir - Australia 3 Kuala Lumpur

"Saya fikir ini disebabkan oleh dakwaan yang dibuat oleh pihak tertentu kepada kerajaan Australia. Dan saya fikir kalau rakyat dia membuat dakwaan mengikut undang-undang Australia maka kerajaan juga mesti bertindak menaikut undang-undang Australia," katanya.

Mengikut laporan, Raja Bahrin, seorang arkitek, juga akan mendapatkan nasihat undana-undang supaya ibu anak-anaknya itu, Jacqueline Gillespie, turut dikenakan perintah ekstradisi dari Australia.

Beliau mahu bekas isterinya itu dibicarakan di Malaysia kerana membawa anak-anaknya itu keluar dari negara ini selepas mereka bercerai pada 1985.

Sementara itu Ketua Polis Negara Tan Sri Mohammed Hanif Omar berkata polishanya akan bertindak berhubung Derintah ekstradisi terhadap Raja Bahrin setelah mendapat arahan daripada pejabat Peguam Negara.

Katanya memandangkan Australia tidak mempunyai perjanjian ekstradisi dengan negara ini, permohonan mereka perlulah disalurkan melalui Kementerian Luar yang seterusnya akan merujuk perkara itu kepada pejabat Peguam Negara. -- Eaqi

♥08/05/16-28MST

CNS6978

UGB 08-05 00092 BA308

aab

Mahathir - Australia 4 (akhir) Kuala Lumpur

"Polis akan bertindak hanya setelah mendapat arahan daripada pejabat Peguam Neaara dan mahkamah," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini sekembalinya dari Sabah hari ini.

Beliau berkata setakat ini tiada sebarang arahan yang diterima berhubung perkara itu.

Hanif mengesahkan bahawa Raja Bahrin secara tidak langsung telah meminta pandangan polis bagi mendapatkan perintah ekstradisi terhadap bekas isterinya kerana melarikan kedua-dua anak mereka dari negara ini. --

Bernama

AZZ SI MIB

♥08/05/16-29MST